



KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (2)

Rabu, 20 Januari 2021

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
PERMAI: LINDUNGI EKONOMI DAN RAKYAT

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin atas pengumuman Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) bernilai RM15 bilion. Bantuan ini bukti kerajaan Perikatan Nasional (PN) proaktif menangani kesan ekonomi akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

Menerusi PERMAI, sebanyak 22 inisiatif akan dilaksanakan dengan berteraskan kepada tiga matlamat utama iaitu memerangi wabak COVID-19, memelihara kebajikan rakyat dan menyokong kelangsungan perniagaan.

Suntikan fiskal langsung melalui pelbagai inisiatif membela kebajikan rakyat dan menjamin kelangsungan perniagaan pasti akan memberi impak positif kepada ekonomi negara, sekali gus menjamin kesejahteraan rakyat.

Menerusi pengumuman Perdana Menteri, KPKT amat gembira kerana Jabatan Bomba dan Penyelamat yang merupakan petugas barisan hadapan turut menerima elauan secara one-off sebanyak RM300 yang akan mula dibayar pada suku pertama tahun ini. Langkah tersebut membuktikan kerajaan amat prihatin menghargai peranan mereka yang bertungkus-lumus berusaha mengekang penularan wabak COVID-19.

KPKT turut gembira mengenai pengumuman tawaran Skim Rehabilitasi Sewa Beli Bas dan Teksi yang mana skim ini memberi 50% jaminan terhadap pinjaman sedia ada dengan syarikat sewa beli dan pajakan bagi pengusaha bas terpilih. Moratorium selama 1 tahun ini turut diberikan kepada mereka yang layak dengan kadar faedah yang lebih rendah. Adalah diharapkan bantuan ini dapat meredakan sedikit sebanyak kesukaran yang dihadapi oleh pengusaha bas persiaran yang terjejas akibat wabak COVID-19.

Seperti yang saya umumkan sebelum ini, KPKT turut memberi penangguhan bersasar bayaran sewaan Program Perumahan Rakyat (PPR) melalui skim Rent To Own (RTO) dibawah pengurusan kementerian ini sehingga Mac 2021 kepada mana-mana peserta PPR RTO yang terkesan dari segi pendapatan bulanan mereka akibat pandemik covid-19 ini. Pengisyntiharan kendiri boleh dibuat oleh pemohon kepada Pejabat Pengurusan PPR untuk pertimbangan sewajarnya.

KPKT berharap PERMAI mampu memberi kelegaan dan nafas baru kepada rakyat dalam mengharungi waktu getir akibat COVID-19.

YB ZURAIDA KAMARUDDIN
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
20 Januari 2021

-TAMAT-